

PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 BERDASARKAN METODE PEMBELAJARAN SURAH AN-NAHL AYAT 125

Syed Abu Bakar bin Tuan Dalam
syed8284@gmail.com

Mohd Isa bin Hamzah
isa_hamzah@edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Proses pembelajaran dalam Islam merupakan suatu proses tarbiah yang mempunyai kaitan dengan proses pembentukan keseluruhan elemen yang wujud dalam kehidupan seseorang merangkumi aspek pemikiran, fizikal, rohani, spiritual disamping membaiki hubungan manusia sesama manusia dalam konteks sosial. Dalam dunia pendidikan hari ini, proses pembelajaran yang dilaksanakan perlu seiring dengan perkembangan arus pendidikan masa kini. Dasar pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) yang telah diperkenalkan adalah bertujuan untuk menarik minat murid untuk seterusnya mampu meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid tentang sesuatu topik yang dipelajari. Bagi memastikan proses pembelajaran ini mencapai objektif yang disasarkan, kaedah pengajaran yang berkesan perlu diberi perhatian. Ianya perlu ditambah baik sesuai dengan peredaran zaman agar proses pengajaran tidak hanya terikat kepada kaedah tradisional. Justeru itu, pelaksanaan PAK-21 ini perlu diintegrasikan dengan nilai-nilai Islam agar ianya lebih sesuai untuk diamalkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Untuk itu, kajian ini menggunakan proses penganalisisan secara analisis kepustakaan dengan meneliti aspek yang berkaitan di antara PAK-21 dengan kandungan ayat 125 surah an-Nahl. Dapatkan penilitian ini menunjukkan terdapat tiga metode utama yang boleh diaplikasikan ke dalam PAK-21 iaitu metode hikmah (bijaksana), percakapan yang baik dan perdebatan yang baik. Ini merupakan asas yang perlu diterapkan ke dalam PAK-21 agar ianya sesuai untuk diaplikasikan ke dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, pelaksanaan PAK-21 merupakan sesuatu pembaharuan yang perlu dilaksanakan tetapi perlu disesuaikan berdasarkan panduan yang telah ditetapkan di dalam al-Quran.

Kata Kunci: *PAK-21; Metode pengajaran; Pendidikan Islam; Surah an-Nahl: 125*

Pengenalan

Pendidikan dalam Islam merupakan suatu sistem tarbiah yang bertujuan untuk membentuk keperibadian manusia yang berasaskan kepada keimanan di mana ianya berkait rapat dengan konsep ketuhanan. Tarbiah Islam bukan hanya pemindahan ilmu dari seseorang kepada seseorang, malah ianya melibatkan proses pembentukan keseluruhan elemen yang wujud merangkumi aspek pemikiran, fizikal, rohani, spiritual disamping membaiki hubungan manusia sesama manusia dalam konteks sosial. Matlamat utama proses tarbiah tersebut adalah untuk mengenal Allah S.W.T. (Siti Atiyah et. al. 2019).

Dalam proses mendidik, salah satu perkara yang perlu diberi penekanan ialah berkaitan dengan metode pengajaran yang digunakan oleh para pendidik. Metode ialah jalan atau cara yang digunakan oleh pendidik dalam menyampaikan pelajaran kepada muridnya (Nurhidayat 2015). Metode juga merupakan cara yang digunakan bagi mencapai sesuatu matlamat yang diinginkan. Penggunaan metode yang sesuai merupakan perkara yang sangat penting dalam memastikan keberhasilan sesuatu proses pengajaran. Sesuatu ilmu yang baik tidak dapat memberi kesan kepada golongan sasaran seandainya pendekatan yang digunakan tidak sesuai.

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran ini mencapai matlamat yang diinginkan, metode yang digunakan perlu sesuai dengan perkembangan dunia pendidikan hari ini. Contohnya, konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) yang telah diperkenalkan merupakan salah satu usaha bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti serta seimbang berdasarkan acuan yang telah ditetapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pembelajaran abad ke-21 ini merupakan suatu konsep yang menjadi elemen penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Ianya menekankan lima daripada enam aspirasi murid yang menyentuh aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, etika dan kerohanian dan identiti nasional (Amir & Mohd Shukri, 2019).

Bagi memastikan proses pembelajaran abad ke-21 ini lebih sesuai untuk diterapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, gabung jalin antara pendidika moden dengan unsur yang terdapat dalam al-Quran perlu diberi perhatian. Antaranya yang boleh diteliti ialah kandungan ayat al-Quran surah an-Nahl, ayat 125. Dalam ayat ini, terdapat beberapa perkara yang boleh diaplikasikan dalam sistem pengajaran abad ke-21 agar ianya dapat mencapai matlamat melahirkan modal insan cemerlang dunia dan akhirat. Ini merupakan suatu perkara yang perlu kerana di dalamnya terkandung kaedah-kaedah yang terbaik dalam mendidik yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan sebagai seorang guru. Ini disebabkan oleh kandungan ayat ini mengandungi tatacara dan metode mendidik yang boleh dilaksanakan dalam proses pengajaran sehari-hari (Hafid, 2019).

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan suatu aspek penting yang perlu diberi perhatian semasa menjalankan penyelidikan. Kajian ini merupakan satu penelitian secara kualitatif yang mana ianya menggunakan kaedah penganalisisan secara analisis kepustakaan. Penyelidik melakukan analisis kandungan bagi segala dokumen yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Maklumat diperolehi melalui analisis literature, buku, jurnal dan segala makalah yang berkaitan dengan tajuk kajian serta maklumat yang diperolehi melalui carian di internet.

Perbincangan

Terjemahan Ayat 125 Surah An-Nahl

Surah an-Nahl merupakan surah yang ke-16 di dalam al-Quran. Surah ini tergolong dalam surah Makiyyah dan terdiri daripada 128 ayat. Surah ini dinamakan sebagai an-Nahl yang bermaksud lebah. Ini kerana di dalam surah ini, terdapat firman Allah yang bermaksud “*Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah*” (*an-Nahl*: ayat 68).

Dalam ayat 125, Allah S.W.T berfirman;

أَدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدِّلْهُمْ
بِالْأَقْرَبِيَّةِ هَيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ
أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

١٢٥

Maksudnya;

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.”

(An-Nahl: 125)

Ayat ini menarik perhatian ramai umala’ tafsir untuk diteliti berkaitan kaedah dawah yang diperintahkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W. Dalam tafsir Ibn Kathir, ayat ini dikaitkan dengan perintah Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad S.A.W. untuk menyeru umat manusia ke jalan Allah dengan cara berhikmah iaitu dengan menggunakan perkataan yang tegas dan benar. Menurut Ibnu Jarir, perkara tersebut merupakan apa yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W. dari kitab al-Quran, sunnah Rasulullah S.A.W. dan pengajaran yang baik iaitu mengenai sesuatu yang di dalamnya terkandung larangan dan ketetapan buat manusia. Nabi Muhammad S.A.W juga diperintahkan untuk sentiasa mengingatkan umat manusia melalui al-Kitab (al-Quran), as-Sunnah dan *mau’izah* (pengajaran) agar mereka semua takut kepada balasan Allah ke atas segala kemungkaran dan kejahatan. Dan jika terdapat golongan manusia yang mengajak berdebat, maka bantahlah mereka dengan cara yang baik. (Tafsir Ibnu Kathir, 1980: 592)

Dalam tafsir Al-Azhar pula, Hamka menjelaskan bahawa kebanyakannya ahli tafsir mentafsirkan perkataan *hikmah* itu sebagai falsafah. Tetapi secara hakikatnya, beliau menjelaskan bahawa maksud *hikmah* itu sebenarnya lebih dalam lagi berbanding falsafah. Falsafah hanya boleh difahami oleh orang yang mempunyai tahap pemikiran serta ilmu logik akal yang tinggi. Sebaliknya *hikmah* mampu untuk menarik perhatian golongan manusia yang belum mencapai tahap kecerdasan akal yang tinggi dan ianya tidak dapat dibantah oleh golongan yang mempunyai tahap kepintaran yang tinggi. Kebijaksanaan itu bukan hanya melalui kata-kata yang diucapkan,

malah ianya juga boleh dizahirkan dengan tindakan dan sikap manusia. Contohnya, orang yang diam dianggap lebih berhikmah berbanding dengan orang yang berkata-kata.

Bagi perkataan *mau'izatul hasanah* pula, ianya ditafsirkan sebagai pendidikan yang baik ataupun pesanan-pesanan baik yang disampaikan melalui nasihat. Manakala perkataan *jaadilhum billati hiya ahsan* pula ditafsirkan sebagai bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sekiranya timbul bantahan atau perselisihan pendapat yang tidak dapat dielakkan, ianya perlu menggunakan cara yang sebaiknya. Segala perbahasan dan perdebatan perlu fokus kepada isu utama tanpa ada rasa kebencian atau pilih kasih berdasarkan sifat peribadi orang yang sedang membantah tersebut. (Hamka, Tafsir Al-Azhar, 1992: 321-322)

Dalam tafsir Al-Misbah pula, ayat ini menjelaskan bahawa Allah S.W.T. memerintahkan Nabi Muhammad S.A.W. supaya mengajak umat manusia mengikuti jalan kebenaran yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. Jalan dakwah hendaklah melalui cara yang terbaik mengikut situasi golongan yang ingin didakwan agar dakwah yang disampaikan memberi kesan. Untuk golongan yang cendekiawan dan bijaksana yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi, kaedah dialog yang bijaksana boleh digunakan untuk mereka sesuai dengan tahap kebijaksanaan mereka. Bagi golongan awam pula, kaedah dakwah yang paling sesuai untuk mereka ialah dengan cara memberi nasihat dan perumpamaan yang sesuai dengan tahap pemikiran mereka agar dakwah dapat disampaikan dengan sebaiknya melalui cara yang sesuai untuk mereka. Untuk golongan ahli kitab dan penganut agama-agama terdahulu pula, kaedah debat boleh digunakan untuk mereka tetapi mesti melalui logik dan perumpaan yang baik, perdebatan yang baik dan tiada unsur-unsur kekerasan dan umpatan agar mereka dapat menerima apa yang disampaikan dengan berlapang dada. (M. Quraish Shihab, 2011: 77)

Metode Dalam Pendidikan Islam

Metode merupakan suatu perkara yang penting yang perlu dititik beratkan oleh seseorang guru ketika proses pengajaran sama ada di dalam bilik darjah mahupun luar bilik darjah. Menurut Kamus Dewan, metode membawa maksud cara melakukan sesuatu perkara (Dewan Bahasa dan Pustaka). Metode dalam Pendidikan Islam boleh ditafsirkan sebagai suatu kaedah atau cara yang digunakan oleh seseorang guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Menurut Abd Karim (2019), metode mengajar dalam Islam boleh difahami sebagai suatu cara yang paling cepat dan tepat dalam mencapai matlamat proses pengajaran yang diinginkan. Dengan adanya metode yang sesuai, seseorang guru boleh membuat perancangan terbaik berkaitan kandungan pelajaran, objektif pengajaran dan kaedah yang sesuai yang ingin digunakan untuk memastikan matlamat pengajaran dapat dicapai. Isi kandungan pelajaran akan menjadi sia-sia seandainya metode yang digunakan tidak sesuai dan gagal membantu murid dalam memahami kandungan sesuatu tersebut (Andi 2018).

Dalam proses pengajaran Pendidikan Islam, terdapat beberapa metode atau pendekatan yang boleh diaplikasikan seperti pendekatan induktif, deduktif dan pendekatan tematik (Mok Soon Sang 2013). Pendekatan yang sesuai akan memberi impak yang besar dalam mengubah tingkah laku seseorang murid daripada tahap yang rendah kepada tahap yang lebih tinggi dalam kehidupan mereka (Mok Soon Sang 2013). Kemampuan seseorang guru dalam menentukan metode yang sesuai dengan kandungan pelajaran yang ingin diajar akan membantu guru tersebut mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan dengan sebaiknya. Justeru itu seseorang guru perlu membuat

perancangan berkaitan penggunaan metode yang sesuai bagi memastikan guru tersebut mampu memberikan penjelasan yang terbaik semasa menyampaikan pengajarannya (Ahmad 2011).

Dalam menentukan metode yang sesuai yang boleh diaplikasikan dalam proses penjararan sehari-hari, Rasulullah S.A.W. merupakan rujukan yang paling tepat. Antara metode-metode pengajaran yang digunakan oleh Nabi Muhammad S.A.W dalam menyampaikan ilmu termasuklah etika akhlak yang terpuji, soal jawab, tunjuk cara, nasihat dan peringatan yang baik dan bercerita (Abd Karim 2019). Metode-metode Pendidikan Islam ini perlu ditetapkan berdasarkan prinsip-prinsip tertentu seperti memudahkan, berkesinambungan dan fleksibel (Abd Karim 2019). Prinsip-prinsip ini perlu bagi mematikan metod yang digunakan sesuai dan berkesan terhadap murid.

Metode Pengajaran Berdasarkan Ayat 125 Surah An-Nahl

Berdasarkan ayat 125 surah an-Nahl, Allah S.W.T telah memberi panduan dan tunjuk ajar kepada para pendidik untuk mengajak, menyeru dan mendidik umat manusia dengan menggunakan metode pengajaran yang sesuai agar matlamat proses pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai dengan sebaiknya. Terdapat tiga kaedah ataupun metode yang telah digariskan oleh Allah S.W.T. sebagai panduan untuk seseorang pendidik dalam menjalankan proses mendidik dengan berkesan. Metode tersebut juga boleh digunakan oleh para pendidik dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran sehari-hari di bilik darjah maupun luar bilik darjah iaitu menggunakan pendekatan *hikmah*, *mau'izatul hasanah* dan *jaadilhum billati hiya ahsan* (*mujadalah*).

Menurut Kamus Dewan, *hikmah* bermaksud kebijaksanaan atau kecerdikan daripada Allah. Ianya juga diterjemahkan sebagai kelebihan atau tujuan sebenar yang terdapat disebalik sesuatu perkara. Dalam kamus bahasa dan kitab tafsir, perkataan *hikmah* boleh diterjemahkan sebagai al-adl (keadilan), al-hilm (kesabaran dan ketabahan), an-nubuwwah (kenabian), al-'ilm (ilmu) dan al-haq (kebenaran). Dalam kitab-kitab tafsir pula, perkataan *hikmah* membawa maksud hujjah (dalil) iaitu wahu Allah yang telah diturunkan kepada manusia (Al-Mahalli & Abu Bakar As-Sayuty, 1987)

Sifat *al-hikmah* merupakan gabungan antara unsur pengetahuan, latihan dan pengalaman yang mampu menjadikan seseorang itu sebagai seorang yang bijaksana (Nurhidayat 2015). Ini kerana melalui unsur-unsur tersebut, ianya dapat membantu seseorang itu dalam mengeluarkan pendapat dan buah fikiran yang tepat serta mampu memandu seseorang itu dalam melakukan aktiviti sehari-hari agar ianya tidak menyimpang daripada landasan yang sepatutnya. Orang yang memiliki sifat *hikmah* ini akan sentiasa berhati-hati dalam mengeluarkan pendapat ataupun dalam membuat keputusan kerana mereka sentiasa memikirkan apakah kesan ataupun akibat yang terpaksa ditanggung daripada keputusan yang diputuskannya.

Metode kedua sepertimana yang dinyatakan dalam ayat 125 surah an-Nahl ialah *al-mau'izatul hasanah* yang boleh diterjemahkan sebagai memberi nasihat yang baik yang mampu memberi kesan kepada orang yang mendengarnya. Ibnu Mahzur (1990) mentafsirkan *al-mau'izatul hasanah* bermaksud memberi nasihat dan peringatan yang baik. Para mufasirin pula mentafsirkan *al-mau'izatul hasanah* dengan pelbagai tafsiran. Ada yang mentafsirkan *al-mau'izatul hasanah* sebagai pelajaran dan peringatan dan ada pula sebahagian mufasirin mentafsirkannya sebagai nasihat yang baik (Agus Somantri). Menurut Al-Mu'jam al-Wasit (2008), *al-mau'izatul hasanah* bermaksud memberi peringatan tentang kewajipan dengan apa

yang telah diperintahkan oleh agama untuk mencari keredhaan Allah di dunia dan akhirat serta memberi nasihat melalui perkataan dan perbuatan.

Sayyid Quthub menjelaskan bahawa metode *al-mau'izatul hasanah* boleh dilaksanakan dengan cara menasihati golongan sasaran secara lisan menggunakan cara yang lemah lembut agar ianya sampai ke dalam hati golongan sasaran, menyelami perasaan halus dan bukan dengan cara mengherdik atau mencela dalam perkara-perkara yang tidak wajib dicela dan juga bukan dengan cara membuka kesalahan disebabkan kejahilan mereka. Manakala, bagi kaedah perbuatan pula, Al-Tabari (1999) menjelaskan bahawa perbuatan itu termasuklah dengan menunjukkan dan melakukan contoh-contoh yang baik serta berdasarkan al-Quran dan juga menyanggah tentang mereka yang menentang dengan cara yang baik.

Bagi keadah *mujadalah* pula, ianya bermaksud bertukar-tukar pendapat, berdialog, berdebat atau berbahas di antara dua pihak yang berselisih pendapat tentang sesuatu perkara (Abd Hadi, Mohamad Marzuki & Wahyu Hidayat 2018). Ianya sesuai dilaksanakan kepada golongan yang suka kepada perbahasan, perdebatan dan mereka yang gemar mempertikaikan kebenaran dengan mengemukakan hujah-hujah yang tidak benar ataupun batil (Sulaiman & Berhanuddin 2001). Sayyid Quthub (1985) pula menjelaskan bahawa pelaksanaan kaedah *mujadalah* ini haruslah dilaksanakan dengan cara terbaik (ahsan) tanpa ada sebarang unsur penghinaan dan memburuk-burukkan golongan sasaran, sebaliknya ianya perlu dijalankan dengan memberi keyakinan terhadap sesuatu kebenaran. Ianya boleh dilaksanakan melalui kaedah perbincangan yang baik yang berpaksikan hujan-hujah benar yang mampu mematahkan hujah batil golongan sasaran agar mereka tidak mampu mempertahankan pendapat atau idea mereka.

Konsep Pembelajaran Abad Ke-21

Perkembangan zaman teknologi dan globalisasi hari ini menyaksikan banyak berlakunya perubahan dan penambahbaikan dalam kehidupan masyarakat dunia hari ini. Bidang pendidikan juga tidak terkecuali dimana ianya perlu seiring dengan perkembangan era modenisasi hari ini agar sistem pendidikan hari ini tidak ketinggalan berbanding negara-negara maju yang lain. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pencapaian dalam bidang pendidikan dengan sentiasa melakukan semakan terhadap kurikulum pendidikan, pemantauan berterusan dan pembaharuan-pembaharuan bagi memastikan sistem pendidikan hari ini sentiasa relevan dengan kehendak semasa.

Bagi menghadapi cabaran era globalisasi, rakyat Malaysia khususnya para remaja hari ini perlu dilengkapi dengan kemahiran yang menyeluruh dari segala aspek termasuklah kemahiran berkomunikasi, kepelbagaian bahasa, berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Penekanan dalam menguasai kemahiran abad ke-21 dalam proses pengajaran dan pembelajaran seharusnya bermula dengan penerapan konstruk kemahiran pembelajaran abad ke-21 ke dalam proses pengajaran seharian di sekolah. Oleh itu, penerapan kemahiran abad ke-21 ini akan dapat membantu murid dalam mengharungi cabaran kehidupan yang semakin mencabar dengan penuh keyakinan terutamanya dalam bidang pendidikan seterusnya bagi mengharungi bidang kerjaya (Ainun Rahmah, Zamri & Wan Muna 2017)

Pembelajaran abad ke-21 merupakan proses pembelajaran berpusatkan murid yang berteraskan elemen komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti serta aplikasi nilai

murni dan etika (Amir & Mohd Shukri 2019). Ianya diperkenalkan dan dilaksanakan dalam sistem pendidikan hari ini dengan tujuan untuk melihat keberhasilan pendidikan yang diterjemahkan melalui pembangunan modal insan yang berkualiti. Tangungjawab ini merupakan suatu amanah yang sangat besar yang perlu dihayati dan dipikul oleh semua warga pendidik terutamanya guru-guru di dalam bilik darjah. Guru berkualiti akan sentiasa bersedia menghadapi segala cabaran dan menjadi sandaran Kementerian Pendidikan Malaysia bagi merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti yang diharapkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2015). Menurut Abdul Halim (2015), pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 ini diperkenalkan adalah sejajar dengan perlaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 ini memenuhi ciri-ciri yang diinginkan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan enam ciri yang perlu ada pada guru abad ke-21. Ciri-ciri tersebut ialah menguasai subjek (kandungan kurikulum), mahir dan berketerampilan dalam pedagogi, memahami perkembangan pelajar, memahami psikologi pembelajaran, memiliki kemahiran kaunseling dan menggunakan teknologi terkini (KPM 2015). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 ini terletak kepada keupayaan guru dalam membina satu suasana yang membolehkan murid-muridnya melalui proses pembelajaran yang membawa hasil yang dikehendaki dan menjadikan pengalaman pembelajaran ini suatu perkara yang menyeronokkan (Mashira et. al. 2019). Pengetahuan perlu disampaikan secara bersepadu melalui pelbagai aktiviti pembelajaran (Azmi & Nurzatulshima 2017).

Kaedah dan cara guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran sudah pasti memberi kesan yang besar terhadap hasil pembelajaran abad ke-21 (Amran & Rosli 2017). Guru seharusnya mempunyai kompetensi yang tinggi dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21 melalui amalan pedagogi yang berkesan, menarik dan lebih interaktif. Justeru itu, seseorang guru itu perlu cekap dalam pelbagai teknik pengajaran supaya dapat memberi peluang kepada murid dengan pelbagai keperluan pembelajaran yang mampu mencungkil potensi terhebat mereka. Guru perlu menjana dan mengaplikasi sebanyak mungkin idea dan teknik pengajaran serta berkomunikasi tentang idea-idea baru secara berkesan (Norazlin & Siti Rahaimah 2019).

Antara beberapa pedagogi yang boleh dilaksanakan dalam pembelajaran abad ke-21 ialah pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan kajian masa depan, pembelajaran berasaskan kontekstual dan pembelajaran brasakan konstruktivisme (Md Said 2018). Di dalam pedagogi ini juga, guru perlu mengemukakan soalan berbentuk aras tinggi (KBAT) supaya murid dapat berfikir menggunakan pengetahuan yang diterima dan pengetahuan yang sedia ada untuk membentuk pengetahuan yang baru. Terdapat juga pelbagai strategi yang boleh diguna pakai oleh guru semasa melaksanakan pembelajaran abad ke-21. Antaranya termasuklah *think pair share, round table, gallery walk, hot seats, sty-sry* dan banyak lagi.

Penerapan Metode An-Nahl Dalam Pembelajaran Abad Ke-21

Sebagai seorang guru yang sentiasa mengamalkan metode *hikmah* dalam mendidik, seseorang itu seharusnya memiliki sifat kebijaksanaan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah yang diamalkan hendaklah selaras dengan perkembangan masa kini dan tidak lagi hanya tertumpu kepada kaedah tradisiolal. Proses ini selaras dengan apa yang telah digariskan oleh Sayyid Quthub (1985) di dalam kitab *Fi Dzilalil Quran* iaitu proses dakwah hendaklah sesuai dengan keadaan dan situasi golongan yang didakwah, kandungan yang disampaikan tidak terlalu tinggi sehingga membebankan golongan sasaran dan cara penyampaian yang sesuai dengan situasi dan kemampuan golongan sasaran.

Antara cara-cara yang sesuai digunakan oleh guru Pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar ianya mampu menarik perhatian pelajar termasuklah kaedah bercerita, kaedah perumpamaan dan kaedah lawatan sambil belajar (Nurhidayat 2015). Selain itu, amalan-amalan bijaksana dalam proses pembelajaran abad ke-21 juga perlu dilaksanakan agar ianya mampu menarik minat murid dan yang lebih penting ianya mampu meningkatkan penguasaan murid dalam sesuatu topik. Kaedah-kaedah seperti lot parkir, kriteria kejayaan, isyarat tangan, kad lampu isyarat, tikar pencapaian dan tag nama merupakan antara kaedah-kaedah yang boleh diaplikasikan semasa proses pembelajaran agar pembelajaran menjadi lebih menarik tidak hanya bergantung kepada kaedah pembelajaran secara tradisional yang mana murid hanya mendengar apa yang disampaikan oleh guru semata-mata.

Selain itu, penggunaan peta pemikiran *i-Think* semasa proses pengajaran juga merupakan salah satu kaedah yang terdapat dalam pembelajaran abad ke-21. Kaedah ini merupakan salah satu cara yang mampu meningkatkan kefahaman murid terhadap topik yang dipelajari (Nik Nur Fariyah 2019). Peta pemikiran *i-Think* ini merupakan satu alat untuk mengasah keupayaan berfikir murid dan dipersembahkan dalam lapan bentuk peta pemikiran secara visual yang mudah untuk diaplikasi dan difahami bagi merentas kurikulum. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, peta pemikiran ini adalah gabungan antara proses pembelajaran kognitif dan persempahan maklumat secara visual dalam bentuk grafik.

Dalam mengaplikasikan metode *al-mau'izatul hasanah* dalam proses pengajaran sehari-hari pula, terdapat beberapa cara yang boleh digunakan oleh para guru dalam mendidik pelajar. Antaranya seperti menggunakan gaya bahasa yang sesuai, memberi nasihat dan pesanan dengan cara yang betul yang mampu menyentuh hati pelajar dan memberi peringatan dengan perkara yang mengembirakan (Nurhidayat, 2015). Gaya bahasa yang sesuai itu termasuklah percakapan yang benar tidak berbohong serta berlandaskan prinsip-prinsip komunikasi yang digariskan dalam al-Quran. Nasihat yang baik pula ialah yang mengandungi petunjuk, peringatan dan teguran yang ikhlas. Nasihat tersebut hendaklah dilakukan menggunakan bahasa yang lembut dan halus yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari. Peringatan yang mengembirakan pula ialah termasuklah peringatan dan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah kepada sesiapa yang melakukan perintah-Nya serta meninggalkan larangan-Nya.

Guru juga perlu menunjukkan contoh teladan terbaik kepada pelajarnya agar ianya mampu dijadikan sebagai contoh teladan dan ikutan yang baik buat pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa metode *al-mau'izatul hasanah* ini merupakan suatu perkara yang penting kerana ianya mampu menghilangkan sikap bangga diri yang ada dalam diri seseorang pendidik bagi memastikan setiap nasihat yang disampaikan dapat diterima oleh pelajar. Ini kerana setiap pelajar memerlukan kepada

jasmani dan rohani yang baik, tubuh badan yang sihat, kasih sayang, ketenangan, dihargai serta keyakinan diri yang tinggi dan semua ini berkait rapat dengan konsep *al-mau'izatul hasanah* ini.

Perlaksanaan metode *mujadalah* pula boleh di jalankan melalui dua bentuk iaitu soal jawab dan dialog (Nurhidayat, 2015). Dalam pembelajaran abad ke-21, teknik penyoalan merupakan satu kaedah yang perlu diaplikasi oleh guru kerana ianya mampu meningkatkan penguasaan murid terhadap pemikiran aras tinggi (KBAT) (Md Said 2018). Ini adalah untuk menilai pengetahuan sedia ada murid serta mampu menimbulkan minat murid terhadap topik yang dipelajari. Menurut Nursafra et. al. (2018), terdapat empat tema strategi yang boleh digunakan oleh guru Pendidikan Islam dalam aktiviti penyoalan lisan khusus untuk merangsang pemikiran kritis murid iaitu menggunakan soalan secara berhierarki, menggunakan stimulus sebelum soalan, mengamalkan masa menunggu dan menyasarkan soalan dalam pola tertentu.

Selain itu, strategi pembelajaran inkuiri juga merupakan suatu strategi pembelajaran abad ke-21 yang berpusatkan murid dimana setiap kumpulan murid diberikan suatu permasalahan dan mereka diminta mencari jawapan bagi setiap permasalahan tersebut (Nurjannah Nasution 2017). Murid akan membincangkan berkaitan permasalahan yang diberikan dan seterusnya akan membentangkan hasil daripada perbincangan kepada rakan-rakan yang lain. Kaedah ini akan meningkatkan lagi penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan dan proses pembelajaran tidak hanya berpusatkan guru semata-mata. Ini akan membantu murid untuk berfikir lebih kreatif dan kritis bagi menyelesaikan masalah yang diberikan kepada mereka.

Justeru itu, perkembangan dan transformasi dalam bidang ilmu pada hari ini serta penggunaan meluas teknologi semasa menyebabkan pola pemikiran masyarakat pada hari ini lebih matang dan lebih maju ke hadapan terutamanya di kalangan pelajar. Mereka lebih terdedah kepada penggunaan peralatan teknologi dan peranti elektronik yang mengakibatkan mereka tidak lagi tertarik dengan kaedah pendidikan tradisional seperti ceramah dan sebagainya yang lebih bersifat monolog, tidak rasional dan satu hala (Nurhidayat, 2015). Mereka lebih agresif dan berani untuk menentang dan mengkritik penjelasan yang mereka merasakan tidak masuk akal atau pendapat yang tidak selari dengan mereka. Ini menyebabkan kaedah terkini seperti pembelajaran inkuiri, peta pemikiran *i-think*, kaedah soal jawab dan sebagainya menjadi salah satu alternatif yang penting dalam sistem pendidikan masa kini.

Kesimpulan

Berdasarkan penilitian-penilitian di atas, dapat disimpulkan bahawa dalam Pendidikan Islam, metode pengajaran merupakan sesuatu yang perlu diberi perhatian agar matlamat proses pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai dengan sebaiknya. Sebagai salah satu sumber rujukan Pendidikan Islam yang utama, metode yang terdapat dalam ayat al-Quran merupakan satu panduan yang perlu diikuti dalam mengaplikasikan proses pengajaran dan pembelajaran agar ianya lebih sesuai dengan perkembangan dan perubahan dalam dunia pendidikan hari ini. Perkembangan pembelajaran abad ke-21 perlu diintegrasikan dengan konsep-konsep pendidikan yang telah dinyatakan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran dan ianya sudah tentu merupakan suatu pendekatan terbaik yang perlu diambil dan diamalkan. Para pendidik seharusnya mengikuti arus perkembangan pendidikan hari ini tanpa mengetepikan konsep pendidikan yang telah dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran.

Rujukan

- Abd Hadi Borham, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim & Wahyu Hidayat Abdulllah. (2018). Faktor-Faktor Tarikan dalam Metod Dakwah: Satu Sorotan Literatur. Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abd Karim Amrullah. (2019). Metode Mengajar dalam Perspektif Islam. *Jurnal Kajian Pendidikan Agama Islam*. Vol. 1, Edisi 2(Oktober 2019)
- Abdul Halim Abdullah. (2015). Teruskan Amalan Pendidikan Abad ke-21 untuk Kejayaan Berterusan. https://educ.utm.my/halim/teruskan_amalan-pendidikan-abad-ke-21-untuk-kejayaan-berterusan/ (akses pada 15 September 2020).
- Agus Somantri. (2017) Implementasi Al-Quran Surah An-Nahl Ayat 125 Sebagai Metode Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Pendidikan Pascasarjana Magister PAI*. Vol. 1 (2).
- Ahmad Mohd Salleh. (2011). Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzana Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 7 (2). Nov. 2017: 77-88.
- Al-Mahalli & Abu Bakar As-Sayuty. (1987). *Tafsir al-Quran al-Adzim*, Mesir: Maktabah al-Misriyyah.
- Al-Tabari. (1999). *Jami' al-Bayan A'n Ta'wil al-Quran*. Beirut: Darul Fikr.
- Amir Mohd Nason & Mohd Shukri Hanapi. (2019). Penerapan Pendekatan Pendidikan Berasaskan Qalbu dalam Pembelajaran Abad Ke-21: Cabaran dan Harapan. *Journal of Islamic Sosial Sciences and Humanities*. Vol. 20 (Special Issue) Sept 2019: 33-48.
- Amran, N. & Rosli, R. (2017). Teachers Understanding in 21st Century Skills. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan.
- Andi Hidayat. (2018). Metode pendidikan Islam untuk generasi millennial. *Jurnal Penelitian*. Vol. 10 (1).
- Azmi, M.N. & Nurzatulshima. (2017). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT): Kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran reka bentuk dan teknologi (RBT) di sekolah rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*. Vol. 1 (1).
- Hafid Rustiawan. (2019). Metode Mendidik (Analisis Kandungan Al-Quran Surah An-Nahl Ayat 125). *Jurnal Pendidikan Agama Islam*. Vol. 6, No. 1 (Januari-Juni) 2019.
- Hamka. (1983). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ibnu Kathir. (1980). *Tafsir Ibnu Kathir*. Beyrut: Darul Fikr.
- Ibnu Manzhur. (1990). Lisan arabi. Jilid VII. Beirut: Darul Shadir.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman & Khairul Anuar Baharin. (2019). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-Guru Sekolah Rendah. *Jurnal IPDA*. Bil. 26.
- Md Said bin Md Daimon. (2018). Kompilasi Panduan PdPc PAK21. Batu Pahat: Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat.
- Mok Soon Sang. (2013). Pedagogi Untuk Pengajaran dan Pembelajaran. Puchong: Penerbitan Multimedia.

- Nik Nur Fariyah Nik Harmi. (2019). Keberkesanan Kaedah Peta Pemikiran I-Think Terhadap Pencapaian dan Sikap Murid Dalam Pembelajaran Komsas. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 9(1): 23-32.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceeding of The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. UniSZA. 23-24 November 2019.
- Nurhidayat Muh. Said. (2015). Metode Dakwah (Studi Al-Quran Surah An-Nahl Ayat 125). *Jurnal Dakwah Tabligh*, Vol. 16 (1): 78-89.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubis. (2018). Strategi Penyoalan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Berfikir Kritis. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*. Vol. 2 (1): 72-87.
- Quraish Shihab. M. (2011). *Tafsir Al-Misbah*. Lentera Hati: Jakarta
- Sayyid Quthub. (1985). *Tafsir Fi zilal al-Quran*. Jilid 4. Kaherah: Darul Shuruq.
- Siti Atiyah Ali, Samhani Ismail, Nurfaizatul Aisyah & Abdul Rahman Omar. (2019). Psikologi Pembangunan Kanak-Kanak: Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat dan Psikologi Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research*. Vol. 4 (1).
- Sulaiman Ibrahim & Berhanuddin Abdullah. (2001). *Metodologi Dakwah: Teori dan Praktik*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.